

(R)

**POLITIK ISLAM DAN PERANAN ZIA UL HAQ DALAM PERADABAN  
PAKISTAN KONTEMPORARI**

Oleh :

CHE TOM BINTI AHMAD  
AGC 99038

Latihan ilmiah ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat bagi memperolehi Ijazah  
Sarjana Sastera dalam bidang Pengajian Peradaban.

**Pengajian Peradaban**

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

Sesi 1999/2000

Perpustakaan Universiti Malaya



A510502995

## ABSTRACT

After the independence, Islam has been upheld as the highest constitution in order to develop the country. Yet, as a nation she still has to face the secularism challenges in political, economy and cultural. However, after 30 years in secularism Zia ul Haq has brought the new Islamization in the country. He brought the new hope of Islamization and tried to curb the western elements from the way of life of Pakistani. Hence, he has established a country with Islam as way of life. Islam has been imposed in the laws and orders, economy, politics, education and social. In fact, the country has developed an Islamic aspiration based on the Quran and the Sunnah. However, the agenda that has been applied by Zia ul Haq are hardly accepted by the people who used to be materialistic society brought by the secularism. Zia ul Haq tried to apply the value of Islam as a way of life. However, all his plans have been protested and has brought to the crisis and unstable political situation. There were a disagreement in opinions by the different sects in the country. The death of Zia ul Haq has brought with the death of Islamic aspiration. Today, Islam is only a symbol of the nation and has not been imposed as a way of life anymore. In this situation, Islam was seen as a foundation for Pakistan but not as a society that Islamic literate. Pakistani should be more aware for what they fought for. Their achievement in building a Islamic country is nothing if they cannot uphold their roots.

## **KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
Kandungan	i-ii
Penghargaan	iii
Senarai Singkatan	iv
Senarai Lampiran	v
<b>Pengenalan</b>	<b>1-7</b>
<b>Bab 1 : Latar Belakang</b>	
Profil dan Sejarah Awal Pakistan	8-10
Kedatangan Islam ke India	10-12
Pemerintahan Islam di India	12-16
Pendudukan British di India	16-17
Pergerakan Pakistan	17-27
Politik Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah	27-32
<b>Bab 2 : Islam Dalam Politik Pakistan</b>	
Sayyid Ahmad Khan (1817-1898)	34-39
Muhammad Iqbal (1877-1938)	39-40
Muhammad Ali Jinnah (1876-1948)	40-44
Sayyid Abul A'ala al-Maududi (1903-1979)	44-47
Islam dalam Politik Pakistan	
Dekad 1947-1971	48-54

**Bab 3 : Pemikiran dan Politik Zia ul Haq**

Latar Belakang	58-60
Pemikiran dan Dasar Islamisasi	60-68
Politik Zia ul Haq 1977-1985	68-74
Politik Zia ul Haq 1985-1988	74-79

**Bab 4 : Program Islamisasi dan Reaksi Masyarakat**

Program Islamisasi	81
Sistem Undang-Undang	82-83
Ekonomi	84-89
Pendidikan	89-91
Sosiobudaya	91-94
Reaksi Masyarakat Tempatan	94-102
Reaksi Masyarakat Antarabangsa	103-109

**Bab 5 : Kesimpulan**

Lampiran	124-131
Bibliografi	132-139

## **PENGHARGAAN**

Sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Azharudin Mohd Dali selaku penyelia yang senantiasa memberikan bantuan dan dorongan dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Buat Mak, Pak dan Abang Shidie, jasa kalian akan dikenang sehingga ke akhir hayat. Tidak lupa untuk suami tersayang, Abd Rashid Md Zain yang sentiasa memberikan sokongan padu serta teman-teman di 3-13-10 Vista Angkasa, terutamanya Hasni Amat yang begitu memahami. Dan sedikit tinta untuk masyarakat Islam... Fahamilah erti Islam yang sebenar.

## **SENARAI SINGKATAN**

ANP	National Awamy Party
ASS	Anjuman sipah-e-sahaba
CII	Council of Islamic Ideology
JI	Jamaat-i-Islami
JUI	Jamaat-i-ulama-e-Islam
JUP	Jamaat-i-ulama-Pakistan
LM	Liga Muslim
MAOEC	Mohammadan Anglo Oriental Educational Conference
MRD	Movement of Restoration of Democracy
MQM	Muhajir Qaumi Movement
NDP	National Democratic Party
NWF	North West Frontier
PLO	Palestine Liberal Organisation
PML	Pakistan Muslim Alliance
PML-Pagaro	Pakistan Muslim League-Pagaro
PNA	Pakistan National Alliance
PPP	Pakistan People's Party
TI	Tehrik-i-Istaqlal
TNFJ	Tehrik-e-nafaz-e-figh-e-jafariya
WAF	Woman Action Forum

## **SENARAI LAMPIRAN**

	<b>Halaman</b>	
Lampiran i	Bendera Pakistan	124
Lampiran ii	Bandar-Bandar Utama di Pakistan	125
Lampiran iii	Ketua Negara Pakistan / Perdana Menteri Pakistan	126-127
Lampiran iv	Kronologi Peristiwa Utama Pakistan	128-129
Lampiran v	Tokoh-Tokoh Politik Pakistan	130-131

## PENDAHULUAN

Pakistan telah mencapai kemerdekaan daripada British pada 15 Ogos 1947, bersama-sama dengan kemerdekaan India. Negara ini telah ditubuhkan dengan berasaskan ideologi Islam yang berbeza dengan India yang menjadikan dasar ideologi ‘Sosialis Demokrasi’ sebagai tunggak penubhannya. Penuhuhan Republik Islam Pakistan merupakan sesuatu yang unik kerana kejayaannya memperolehi sebuah negara yang sebelum kemerdekaan merupakan sebahagian daripada wilayah India. Di samping itu, Pakistan juga memberikan makna yang besar kepada dunia Islam kerana ia merupakan penyumbang kepada perkembangan tamadun Islam pada abad ke-20 dan juga sebagai penyambung tamadun-tamadun Islam yang telah wujud sebelum ini.

Tamadun dalam erti kata yang sebenarnya bererti kebudayaan, kemajuan, dan peradaban manakala, pengertian yang lebih umum menjangkau suatu tingkatan yang tinggi dalam pemikiran, moral, sosial, dan kebendaan. Tamadun Islam yang dibincangkan adalah jauh bezanya dengan tamadun barat yang sering diperkatakan kini. Perkembangan dalam tamadun barat meletakkan penilaian ke atas pembangunan material atau kebendaan sahaja. Berbanding dengan tamadun Islam, perkembangan dinilai dari seluruh aspek kemajuan kebendaan tanpa meninggalkan kemajuan kerohanian dan juga moral malahan, Islam itu sendiri merupakan suatu tamadun. Tamadun Islam juga tidak terhad kepada tamadun yang dicipta oleh orang Islam sahaja, ataupun tertakluk kepada masa-masa tertentu mahupun terkongkong oleh bangsa dan daerah tertentu. Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun Islam

berkembang ke seluruh dunia bermula sejak kelahiran Nabi Muhammad s.a.w dan melangkaui zaman para Sahabat sehingga kini. Penggerak utama perkembangan sesuatu tamadun Islam dan kecekapan tamadun itu bergantung kepada peranan para pemimpin ataupun kepimpinan yang akan menentukan sejauh mana tamadun Islam itu mampu berkembang. Politik atau sistem pemerintahan tidak dapat lari daripada Islam yang telah menggariskan seluruh panduan kepada hidup masyarakat yang lebih berperaturan. Allah telah berfirman dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 31 yang membawa maksud “...sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang *khalifah* (pemimpin) di bumi.” Ayat ini menunjukkan betapa perlunya manusia mempunyai pemimpin yang segala aspek kepimpinannya ditentukan oleh Allah. Manusia juga dijadikan dengan kebolehan dan kemampuan melalui sifat-sifat dan alat-alat untuk membolehkannya menjadi *khalifah* di muka bumi.

Dalam meninjau perkembangan tamadun Islam di Asia Selatan, tumpuan diberikan kepada Republik Islam Pakistan dengan penekanan kepada kepimpinan Zia ul Haq. Kajian ini melihat peranan yang dimainkan oleh Zia ul Haq di dalam mewujudkan negara dan politik Islam di Pakistan. Walaupun Pakistan ditubuhkan atas ideologi Islam namun, keberkesanannya implementasian Islam itu masih boleh dipersoalkan. Sejauh mana keberkesanannya program-program Islamisasi beliau mampu mengekang kemaraan ideologi sekular barat yang telah bertapak di Pakistan sejak awal lagi dan apakah program yang dijalankan sekadar untuk meraih perhatian penduduk tempatan untuk menyokong kepimpinannya? Soalan ini menjadi antara soalan utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini terutama di bab-bab ketiga dan

keempat. Hasil daripada kajian ini diharap dapat menjadi panduan untuk melihat pengimplimentasian elemen Islam dalam dasar-dasar negara.

Kajian ini adalah untuk memenuhi keperluan akademik ijazah sarjana di samping mengisi kekosongan penulisan ilmiah berkenaan dengan Pakistan dalam Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga cuba meninjau dasar-dasar Islamisasi yang telah dijalankan di Pakistan pada tahun 1977 hingga 1988, sama ada berjaya ataupun tidak untuk mengembalikan kegembilangan tamadun Islam.

Dalam menyiapkan kajian ini, metodologi kajian adalah berdasarkan pendekatan perpustakaan. Bahan-bahan bacaan yang digunakan termasuklah majalah dan dari sumber internet. Manakala, jurnal-jurnal yang digunakan seperti Impact, Journals of Pakistan Historical Society (JPHS), Pakistan Quarterly, The Muslim World League Journal, Modern Asian Studies, The Islamic Quarterly, Asian Studies Review, dan Asian Survey.

Tidak terdapat bahan terbitan yang banyak mengenai Pakistan atau Islam di benua kecil India dalam Bahasa Melayu untuk dijadikan rujukan. Antara yang terdapat di pasaran ialah *Sejarah Perkembangan Islam di India* oleh Abu Ali Al-Banjari an Nadwi yang telah melakukan tinjauan umum terhadap sejarah kedatangan Islam ke benua India sehinggalah kepada penubuhan negara Pakistan. Kedatangan ini telah membuka lembaran penguasaan tamadun Islam yang bermula dengan penaklukan sebahagian besar wilayah utara India dan berakhir dengan kejatuhan

kerajaan Mughal. Namun, disebabkan ia bersifat umum, tumpuan terhadap aspek-aspek seperti kepimpinan Islam, kelahiran Pakistan, dan sebagainya juga adalah longgar.

Pergerakan Pakistan adalah peristiwa penting dalam sejarah Pakistan yang telah membawa kepada penubuhannya. Peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh politik dan pemikir Islam seperti Sayyid Ahmad Khan, Muhammad Iqbal, Abul A'la al-Maududi, dan Muhammad Ali Jinnah ternyata berjaya mewujudkan sebuah negara yang sebelumnya merupakan sebahagian daripada wilayah India. Selepas kemerdekaan, Pakistan telah berusaha untuk mewujudkan sistem demokrasi ala-barat yang telah dihalang oleh kepimpinan rejim ketenteraan dan ditentang oleh golongan *ulama* Islam. Rentetan perjalanan untuk membentuk negara Pakistan yang demokrasi ini terdapat dalam buku yang dihasilkan oleh Safdar Mahmood iaitu *Pakistan : Political Roots and Development*.

Antara sumber rujukan yang bersesuaian untuk mengetahui dengan terperinci sejarah Pakistan ialah melalui buku *Pakistan : A Modern History* yang diterbitkan pada tahun 1998 oleh Ian Talbot. Sumber ini telah berjaya mengungkap rentak politik Republik Islam Pakistan selepas negara tersebut mencapai kemerdekaan pada 14 Ogos 1947. Perbincangan yang terperinci dilakukan ke atas tokoh-tokoh politik negara yang bermula dengan kepimpinan rejim Muhammad Ayub Khan, Muhammad Yahya Khan, dan diikuti dengan Zulfikar Ali Bhutto. Perubahan corak kepimpinan negara kemudiannya beralih kepada kekuasaan tentera di bawah teraju Zia ul Haq.

Pengenaan semula sistem demokrasi kemudiannya telah dilaksanakan oleh Benazir Bhutto dan Nawaz Sharif yang merupakan pemimpin-pemimpin terakhir sistem ini yang kemudiannya digantikan oleh rejim ketenteraan Pervez Musharraf sehingga kini.

Bahan terbitan seterusnya yang berkait rapat dengan topik kajian adalah *Elite Politics in an Ideological State : The Case of Pakistan* yang dihasilkan oleh Asaf Hussain. Buku ini secara menyeluruh menyentuh peranan yang dimainkan oleh elit-elit birokrasi dan militeri yang memegang kekuasaan dalam membuat sebarang keputusan negara. Sebagai sebuah negara yang berideologikan Islam, peranan golongan elit ini telah mengganggu kekuasaan mutlak yang terletak di tangan Allah s.w.t melalui ajaran-Nya yang terkandung dalam al-Quran berserta dengan Hadith Rasulullah s.a.w.

Perjuangan Pergerakan Pakistan yang bermula sejak tahun 1857 dan pendudukan British di India hingga kejayaan kemerdekaan India bersama-sama Pakistan pada tahun 1947 merupakan pokok perbincangan utama yang diselidiki oleh Khalid Bin Sayeed dalam karyanya *Pakistan : The Formative Phase 1857-1948*. Perbincangan yang lebih teliti dijalankan ke atas faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya tuntutan penduduk Islam untuk memperolehi sebuah negara Islam di benua India.

Antara permasalahan kajian adalah kesukaran penulis untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kepimpinan Zia ul Haq. Berasaskan kajian yang

dibuat, didapati masih terlalu sedikit bahan bacaan yang berkenaan sumbangan Zia ul Haq dan pembangunan negara pada tahun 1977 hingga tahun 1988. Penulis seolah-olah tidak berminat untuk mengkaji pembangunan yang berlaku di Pakistan pada era kepimpinan Zia ul Haq ini.

Dalam kajian ini penulis menggunakan perkataan Indo-Pakistan untuk merujuk negara Pakistan sebelum kemerdekaannya yang masih lagi merupakan sebahagian daripada wilayah India. Selepas mendapat kemerdekaan pada 14 Ogos 1947, Pakistan terbahagi kepada dua wilayah yang terdiri daripada Pakistan Timur di bahagian sayap kanan utara India dan Pakistan Barat yang terletak di bahagian sayap kiri utara India yang dipisahkan sejauh 1600 km (1000 batu) oleh negara India. Pakistan selepas tahun 1971 hinggalah kini hanyalah dirujuk sebagai Pakistan Barat yang beribu negara di Islamabad. Manakala, Pakistan Timur telah membentuk negara Bangladesh pada tahun yang sama dan beribu negarakan bandar Dacca. Kajian penulisan secara keseluruhannya menumpukan kepada Pakistan selepas tahun 1971.

Secara umumnya, penulisan ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama membawa kepada pengenalan awal mengenai Pakistan yang masih lagi merupakan wilayah di benua India. Bab ini juga melihat proses Islamisasi yang berlaku di India dan penjajahan British yang membawa kepada Pergerakan Pakistan. Bab Kedua lebih menumpukan kepada Islam dalam politik negara Pakistan yang dilihat dari konteks kepimpinan politik Indo-Pakistan sebelum kemerdekaan dan juga melihat kepada status Islam dalam politik negara selepas penubuhannya. Manakala, bab seterusnya

iaitu bab ketiga dan keempat merupakan bab tumpuan dalam kajian ini. Bab ketiga menyentuh dengan lebih terperinci berkenaan pemikiran politik yang menyebabkan Zia ul Haq menjalankan dasar Islamisasi di Pakistan dan penglibatan beliau dalam politik negara. Seterusnya, bab keempat pula melihat proses-proses Islamisasi Zia ul Haq yang membawa kepada reformasi perundangan, ekonomi, pendidikan, dan sosiobudaya. Program-program Islamisasi Zia ul Haq tidak dapat lari daripada menghadapi bantahan malahan, suasana politik negara yang terganggu akibat daripada situasi dalaman dan luaran telah menggugat kerajaan beliau. Kepimpinan Zia ul Haq berakhir pada 17 Ogos 1988 apabila beliau terbunuh dalam naas pesawat udara.